

IPT wajar jadi lubuk atlet

► Sandaran negara ke kejohanan peringkat tinggi

UB 20.8.2014 A16

Oleh VITALIS G.
BINGKASAN

KOTA KINABALU: Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sewajarnya menjadi lubuk terbaik melahirkan atlet sandaran negara ke kejohanan peringkat tinggi.

Menteri Belia Dan Sukan Sabah, Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan percaya bahawa kepintaran seseorang dalam bidang akademik juga dapat digunakan untuk menjadi atlet cemerlang.

“Pada zaman sekarang

ini, kita perlukan atlet yang bijak menggunakan fikiran dan bukan hanya bergantung kepada kemahiran teknikal dan taktikal. Sebab itu kita perlukan IPT melahirkan atlet yang boleh dijadikan sandaran negara ke persada antarabangsa,” katanya.

Tawfiq berkata demikian semasa merasmikan Sukan Mahasiswa Borneo (Sukmab) Ke-III di Universiti Malaysia Sabah (UMS) kelmarin.

Katanya, IPT tentunya berbangga dengan mahasiswa dari Sarawak Pendalela Renong yang telah menang

pingat gangsa untuk negara dalam acara sukan terjun pada Sukan Olimpik London 2012.

Menurutnya, penglibatan menonjol mahasiswa IPT dalam kejohanan antarabangsa adalah sumbangan besar mahasiswa dalam mengharumkan nama negara seterusnya menyangkal persepsi masyarakat bahawa IPT adalah kubur sukan dan tempat merundumnya seseorang atlet.

Mengenai kejohanan itu Tawfiq berkata, selain



TAWFIQ bersama kontinjen Kolej Komuniti Tawau.



TAWFIQ (tiga dari kiri) dan Harun (tiga dari kanan) serta tetamu kehormat lain memegang bebola elektrik sebagai simbolik perasmian Sukmab Ke-III di UMS kelmarin.



TAWFIQ bersama kontinjen UiTM Sabah yang turut membawa replika kapad MH370 dan MH17.

kejohanan sukan ianya juga menjadi medan memupuk perpaduan rantau ini di mana pelbagai kaum dipertemukan

dan bergaul untuk memahami budaya serta budaya hidup di kalangan negara-negara yang mengambil bahagian.

Sambil itu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Harun Abdullah berkata, Sukmab merupakan satu usaha memberi peluang yang sama rata kepada semua mahasiswa yang menuntut di IPT Borneo bersaing sesama sendiri seperti yang diadakan di Semenanjung Malaysia melalui pelbagai penganjuran acara sukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia seperti Sukan Institusi Pengajian Tinggi (Sukipt) dan Sukan Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (Masum).

Sukmab adalah kejohanan dwi-tahunan melibatkan semua IPT di Borneo.

UMS adalah pelopor memperkenalkan kejohanan

itu pada 2009 manakala Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) menjadi tuan edisi kedua pada 2011 sebelum UMS menjadi tuan rumah buat kali kedua kali ini.

Kejohanan yang akan berlangsung sehingga 22 Ogos itu melibatkan lebih 1,000 atlet dan pegawai dari 27 kontinjen termasuk tiga dari negara Brunei iaitu Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sarif Ali dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Bagwan dan sebuah IPT dari Kalimantan Indonesia Universitas Tanjung Pura.

Sebanyak tujuh jenis sukan dipertandingkan iaitu futsal, bola tampar pantai, bola tampar, sepak takraw, ping pong, petanque dan catur.